

kerajaan

BM 31 AUG 1986

tegas — PM

Rakyat, mesti

KUALA LUMPUR, Sabtu — Ketegasan pendirian terhadap diri sendiri, keluarga, masyarakat, bangsa dan negara akan menggambarkan kekukuhan sesebuah bangsa dan negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, ketegasan juga penting dalam membentuk dan menjalankan usaha-usaha yang baik dan berfaedah, kerana ketegasan dalam usaha-usaha yang tidak baik tidak akan mendatangkan faedah.

Oleh itu, jelasnya, hendaklah ada kebijaksanaan dalam apa juga usaha supaya ketegasan tidak beralih menjadi kedegilan yang tidak bermanfaat.

Perdana Menteri menyatakan demikian dalam perutusan Hari Kebangsaan yang ke-29 melalui Radio dan Televisyen Malaysia malam ini.

"Tegas, tetap dan jati menggambarkan kekukuhan kita. Justeru itu, tema Hari Kebangsaan 'Bangsa Tegas Negara Teguh' akan menggambarkan diri kita yang mengutamakan ketegasan," jelasnya.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, ketegasan kerajaan dapat dilihat dalam sekurang-kurangnya tiga kategori, iaitu ketegasan dalam penggubalan dasar-dasar, ketegasan dalam penyelesaian masalah dan ketegasan dalam pelaksanaan dasar-dasar dan program pembangunan.

Terawang-awang

Beliau berpendapat, sikap tegas kerajaan itu akhirnya membolehkan ia mendapat sokongan majoriti rakyat dalam pilihanraya umum yang lalu dan sekaligus menghilangkan keraguan di kalangan rakyat, kononnya kerajaan tidak lagi mendapat kepercayaan mereka.

"Jika kerajaan tidak tegas dan terawang-awang, sama ada hendak meneruskan sesuatu dasar atau tidak, rakyat akan keliru dan hilang kepercayaan pada kerajaan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ketegasan sesuatu bangsa dapat digambarkan melalui pelbagai aspek seperti ketegasan kerajaan dalam isu-isu antara-bangsa, ketegasan membuat keputusan dan pelaksanaan dan ketegasan rakyat untuk menempa kemajuan dan kesejahteraan.

Katanya, ketegasan kerajaan juga dapat dilihat dalam pendiriannya mengenai isu apartheid, benua Antartika dan masalah Palestin.

Beliau juga berpendapat, bangsa tegas dapat dibuktikan jika rakyat negara ini tegas dalam menghadapi masalah pemuliharaan dan pembangunan diri dan negara.

Ukuran

"Salah satu ketegasan yang harus kita suburkan ialah berani dan tegas menonjolkan kebebasan melalui kebudayaan dan program-program pembangunan.

Perdana Menteri juga menasihatkan rakyat supaya jangan menjadikan nilai-nilai asing, seperti kebebasan akhbar, sebagai ukuran kejayaan negara.

"Janganlah kita menganggap bahawa kriteria asing, terutama kriteria Barat, semuanya bagus dan boleh dicontohi sehingga mungkin wujud kompleks rendah diri yang merugikan" ujarnya.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan akan tetap meneruskan dasar-dasar yang memberi manfaat kepada negara setelah direstui dan dibaharui mandat oleh rakyat dalam pilihanraya umum yang lalu.

Bagaimanapun, tambahannya, itu tidak bermakna bahawa sesuatu dasar yang digubal pada sesuatu masa akan diteruskan selama-lamanya tanpa mengambil kira realiti semasa.

"Kita mestilah berani membuat penyesuaian dan perubahan dalam satu-satu dasar sekiranya penyesuaian itu perlu dilakukan bagi kepentingan negara jangka pendek atau panjang," tegasnya.

Beliau juga menjelaskan, ketegasan juga tidak bermakna pendirian yang begitu 'rigid' atau berdegil sehingga tidak sama sekali mempedu-

● LIHAT muka 2

Rakyat ada tugas tentukan cita-cita negara tercapai

BM 31 AUG 1984
● DARI muka 1

likan keadaan yang sudah berubah.

Selain itu, jelasnya, ketegasan itu juga perlu diteliti bukan sahaja oleh kerajaan, tetapi juga semua komponen masyarakat termasuk agensi awam, swasta dan rakyat jelata.

Katanya, rakyat biasa juga bertanggungjawab meneliti dan menyumbangkan tenaga dan usaha supaya segala cita-cita negara untuk mewujudkan satu bangsa, satu bahasa dan satu negara akan tercapai.

Menurut Perdana Menteri, demi perpaduan negara, kerajaan perlu tegas bagi memastikan pencapaian hasrat perpaduan.

"Kita tidak boleh membenarkan diri kita dipengaruhi oleh orang-orang yang berkepentingan dan chauvinistik sehingga membelakangkan perpaduan negara," tegasnya.

Menurutnya, kerajaan harus berpendirian tegas supaya kepentingan sesuatu kaum tidak mengatasi kepentingan negara.

Mengenai tema Bangsa Tegas Negara Teguh, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ada kalangan cuba menghilangkan kepercayaan kerajaan kepada slogan-slogan seperti itu dengan menyebarkan bermacam-macam berita angin mengenainya.

"Jika kita ingin mendapat manfaat daripada slogan-slogan kerajaan, kita hendaklah sedar dan kenal perbuatan pihak-pihak tertentu itu dan kita mesti membelakangkan mereka," tambahannya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, rakyat akan menjadi lebih baik dan akan membawa kejayaan kepada negara jika sikap mereka juga tegas dalam pelbagai hal.